

CNS3151

U PB 02-05 00163 BA284

bah

HUDUD TIDAK AKAN DILAKSANA DI NEGERI DIPERINTAHI UMNO

Matiathir - Hudud

KUALALUMPUR, 2 Mei (Bernama). -- UMNO tidak akan melaksanakan hukum hudud di negeri-negeri yang diperintahinya kerana ia mengamalkan sistem siasah al syariah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, UMNO melaksanakan hukum mengikut siasah atau politik dan keadaan semasa kerana negaraini mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama.

UMNO tidak akan menghalang PAS jika ia mahu mengamalkan sistem hudud asalkan PAS membuktikan yang ia betul-betul melaksanakan hukum itu mengikut ajaran Islam dan bukan untuk kepentingan politik semata-mata, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO berkata: +Pada pendapat, kita, tujuan mereka (PAS) hanyalah untuk menimbulkan keadaan serbasalah di kalangan UMNO kerana mereka percaya UMNO akan menghalang.

+Ini adalah tujuan mereka, dan kita nampak jelas langkah itu bertujuan politik dan bukan agama, + katanya. -- Laqi

▼02/05/15-04MST

CNS3164

U PB 02-05 00133 BA285

bah

Mahathir - Hudud 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, seperti biasa PAS menggunakan agama sebagai alat politiknya, dan dalam soal hukum hudud ini, PAS hanya mengeluarkan kenyataan untuk melaksanakannya bagi mendapat keuntungan politik daripada menitikberatkan kehendak agama.

+Ini jelas terbukti dengan tidak ada persiapan dan kajian mengenai apakah itu hukum hudud, bagaimana cara pelaksanaannya, kesannya, dan berbagai-bagai perkara yang lain, + kata Perdana Menteri.

Katanya, PAS tidak mengadakan sebarang kajian dan persediaan mengenai hukum itu kerana percaya UMNO akan menghalang mereka melaksanakannya.

Dr Mahathir juga menyebut tentang salah satu ciri hukum hudud bahawa seseorang yang telah didapati bersalah dan dihukum mengikut undang-undang sekarang, dihukum semula berasaskan hukuman hudud..

+Jika ini tidak dilaksanakan, bermakna hukum itu tidak dilaksanakan sepenuhnya, + kata beliau. -- Bernama

▼02/05/15-41MST